



SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2014



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
EKONOMI ASAS
Kertas 2 Set 2

3757/2

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas kjang. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas kjang pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B**.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[75 markah]

Jawab mana- mana **tiga** soalan dalam bahagian ini.

1 (a) Gambar di bawah berkaitan projek pembangunan Negara Y.



Peruntukan yang di beri untuk kedua projek di atas ialah RM 30 juta. Bagaimanakah negara Y menyelesaikan masalah ekonomi tersebut.

[6 markah]

(b) Gambar berikut menunjukkan perbualan dua orang sahabat mengenai sistem ekonomi.



(i) Kenalpasti sistem ekonomi di Negara Encik Muhaimin.

[1 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan sistem ekonomi di Negara Encik Syafiq dan Encik Muhaimin dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

(a) Berapa hendak dikeluarkan [2 markah]

(b) Untuk siapa hendak dikeluarkan [2 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Puan Haida bekerja sebagai pegawai bank dan mendapat gaji sebanyak RM 4000 sebulan. Beliau juga memperoleh pendapatan dari rumah miliknya yang disewakan kepada pelajar kolej.

(i) Jelaskan konsep pendapatan individu. [2 markah]

(ii) Terangkan dua jenis pendapatan individu selain daripada yang dinyatakan di atas. [4 markah]

(d) Logo di bawah merujuk kepada sebuah Institusi Kewangan Bukan Bank yang terdapat di Malaysia.



Bagaimanakah pencarum boleh mengeluarkan kesemua carumannya?.

[3 markah]

- (e) Encik Johari seorang pegawai di sebuah organisasi kerajaan. Beliau mempunyai seorang isteri dan dua orang anak. Maklumat berikut menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan tahunan Encik Johari.

| | | |
|---|-----------------|-----------|
| Pendapatan | | RM 48 000 |
| Dividen | | RM 3 000 |
| KWSP | | 11% |
| Rawatan Ibu bapa | | 1 200 |
| Zakat | | 800 |
| Maklumat Tambahan: | | |
| Diri Sendiri | RM 8 000 | |
| Isteri | RM 3 000 | |
| Anak-anak | RM 800 | |
| KWSP dan Premium insurans nyawa | RM 5 000 | |
| Berikut adalah kadar cukai yang dikenakan oleh kerajaan | | |
| Pendapatan boleh cukai | Kadar Cukai (%) | RM |
| RM 2 500 yang pertama | 0 | - |
| RM 2 500 berikut | 1 | 25 |
| RM 5 000 yang pertama | - | 25 |
| RM 5 000 berikut | 3 | 150 |
| RM 10 000 yang pertama | - | 175 |
| RM 10 000 berikut | 5 | 500 |
| RM 20 000 yang pertama | - | 675 |
| RM 20 000 berikut | 7 | |

Hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Johari. [5 markah]

- 2 (a) (i) Terangkan dua peranan isi rumah dalam ekonomi. [4 markah]

- (ii) Jadual berikut menunjukkan kuantiti permintaan suatu barang.

| Harga (RM) | Kuantiti diminta (Unit) |
|------------|-------------------------|
| 10 | 300 |
| 20 | 200 |
| 30 | 100 |

Berdasarkan jadual di atas, jelaskan hukum permintaan. [4 markah]

(b) Nyatakan dua perbezaan antara perubahan kuantiti diminta dan perubahan permintaan. [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

| |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kos bahan mentah • Faedah pinjaman • Bil air dan elektrik • Sewa bangunan |
|--|

Kenalpasti jenis kos yang terlibat. [2 markah]

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan penawaran beg tangan.

| Harga (RM) | Kuantiti ditawarkan (unit) |
|------------|----------------------------|
| 100 | 60 |
| 200 | 75 |

(i) Hitung keanjalan harga penawaran apabila harga beg tangan meningkat. [2 markah]

Gunakan rumus:

$$\text{Keanjalan Harga Penawaran} : \frac{\text{Peratus Perubahan Kuantiti}}{\text{Peratus Perubahan Harga}}$$

(ii) Tafsirkan jenis keanjalan harga penawaran beg tangan di (d) (i) [3 markah]

(iii) Terangkan tiga faktor yang menyebabkan perubahan penawaran. [6 markah]

3 (a) Guna kertas graf yang disediakan untuk menjawab Soalan 3 (a).

Jadual di bawah menunjukkan kuantiti penawaran baju oleh dua firma.


| Harga (RM) | Kuantiti Ditawar (helai) | |
|------------|--------------------------|---------|
| | Firma A | Firma B |
| 20.00 | 4 | 6 |
| 30.00 | 6 | 9 |
| 40.00 | 8 | 12 |

- (i) Lukis pembentukan keluk penawaran pasaran di atas kertas graf yang disediakan.

[Gunakan skala 1 cm = RM 10 pada paksi harga dan 1 cm = 2 unit pada paksi kuantiti.] [7 markah]

- (ii) Jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran di 3(a) (i) [3 markah]

(b) Rajah berikut menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buku.



Huraikan keadaan pasaran buku pada tingkat harga:

- (i) RM 10 [2 markah]
 (ii) RM 40 [2 markah]

(c) Gambar berikut menunjukkan wang yang digunakan pada masa kini.



Nyatakan **empat** ciri wang di atas.

[4 markah]

(d) Jelaskan institusi kewangan bank berikut:

(i) Syarikat Kewangan

[4 markah]

(ii) Bank Saudagar

[3 markah]

4 (a) Gambar di bawah berkaitan dengan satu keadaan ketidakstabilan ekonomi.



(i) Apakah keadaan ketidakstabilan ekonomi di atas.

[1 markah]

(ii) Bagaimanakah Bank Pusat mengawal keadaan ketidakstabilan ekonomi selain dari cara yang dinyatakan di atas.

[6 markah]

(b) Petikan berikut berkaitan struktur ekonomi negara.

Pergantungan kepada sektor utama memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu kerajaan telah mengambil langkah untuk membangunkan sektor industri.

Jelaskan faktor-faktor yang mendorong perubahan di atas. [6 markah]

(c) Nyatakan maksud belanjawan negara. [2 markah]

(d) Huraikan **tiga** jenis cukai tak langsung kerajaan. [6 markah]

(e) Maklumat berikut berkaitan hutang negara.

Pada tahun 2011, kerajaan meminjam RM 241 689 bilion untuk menampung kekurangan hasil negara.

-Sumber : Laporan Ekonomi 2011/12

Terangkan tujuan kerajaan membuat pinjaman selain dalam petikan di atas.

[4 markah]

5 (a) Maklumat berikut berkaitan barang dagangan Malaysia.

Pengangkutan dan insurans
Barang perkilangan
Komoditi utama
Perjalanan

Tentukan jenis barang di atas mengikut komposisi eksport. [6 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan data eksport dan import Malaysia pada tahun 2012.

| Butiran | Jumlah (RM juta) |
|-----------------------------------|------------------|
| Eksport barang komoditi pertanian | 43 121 |
| Eksport barang pembuatan | 25 564 |
| Eksport petroleum | 17 392 |
| Import barang perkilangan | 18 066 |
| Import barang penggunaan | 40 580 |
| Import mesin pemasangan kereta | 7 018 |

(i) Hitung imbalan dagangan [2 markah]

(ii) Tentukan jenis imbalan dagangan di 5 (b) (i) [2 markah]

(c) Sekatan perdagangan antarabangsa memberikan banyak keburukan kepada negara.

Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut. [7 markah]

(d) (i) Berikan maksud pertukaran asing [2 markah]

(ii) Huraikan kepentingan pertukaran asing kepada sesebuah negara. [6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

6.

Bencana banjir telah berlalu. Kemudian negara dilanda cuaca dingin yang ganjil selama beberapa ketika sehingga memaksa penduduk menggunakan jaket tebal setiap hari. Fenomena ini merupakan durian runtuh bagi pengusaha kedai pakaian. Jika sebelum ini pakaian tebal dipandang sepi, kini ianya menjadi rebutan pula. Sebagai pengusaha gedung pakaian terkemuka, Encik Azli menggunakan kesempatan ini untuk menjual stok jaket sedia ada. Beliau mengadakan berbagai jenis promosi. Jaket yang berharga RM 300 dijual dengan potongan harga sehingga 40%. Beliau masih boleh menarik nafas lega walau pun memberi potongan harga yang tinggi kerana kos pengeluaran sehelai jaket ialah RM112 sahaja. Selepas tempoh promosi berakhir, beliau mendapati sebanyak 150 helai jaket telah terjual. Sebagai orang yang berpengalaman luas di dalam bidang perniagaan, Encik Azli tahu bahawa fenomena ini hanya sementara.

Jika cuaca berubah maka corak perbelanjaan masyarakat terhadap pakaian juga ikut berubah. Beliau harus mencari alternatif lain untuk mengekalkan keuntungan syarikat. Pilihan yang beliau ada ialah sama ada mengeluarkan rangkaian pakaian terkini atau menubuhkan anak syarikat yang menjual produk selain daripada pakaian. Beliau memilih untuk menubuhkan anak syarikat yang menjual produk dingin beku, selaras dengan saranan Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada Februari 2014 yang lalu.

Anak syarikat yang diberi nama Syarikat Rasa Berkat Sdn. Bhd. mengusahakan produk daging beku dan ayam beku. Sambutan hangat yang diterima terhadap produk ini menyebabkan syarikat mengambil ramai pekerja setempat untuk memenuhi permintaan terutama pada musim cuti sekolah serta hujung tahun. Bagi memastikan produk syarikat berkualiti, syarikat membeli mesin berteknologi canggih untuk proses 'blast freeze' dan 'deep freeze'. Mesin ini dibeli menggunakan konsep Murabahah. Hasilnya pengeluaran bertambah. Bagaimana pun pihak syarikat terpaksa menaikkan harga daging beku dan ayam beku berikutan kenaikan kadar cukai jualan.

Berdasarkan situasi tersebut, jawab soalan berikut :

- (a) (i) Nyatakan tiga ciri barang yang terdapat di dalam perenggan pertama. [3 markah]
- (ii) Hitung jumlah keuntungan selepas promosi berakhir. [3 markah]
- (b) Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas. [5 markah]
- (c) Jelaskan kesan keputusan yang dibuat oleh Encik Azli di perenggan kedua terhadap:
- (i) penduduk setempat [2markah]
- (ii) pengeluar [2markah]
- (d) Adakah anda bersetuju dengan pemilihan produk keluaran Syarikat Rasa Berkat Sdn Bhd. Jelaskan. [5 markah]
- (e) Jelaskan konsep Skim Perbankan Islam yang digunakan oleh firma tersebut. [3 markah]
- (f) Terangkan mengenai cukai yang dikenakan terhadap Syarikat Rasa Berkat Sdn. Bhd. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT